KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	15/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	11
JABATAN	:	JMG			

Bukit Lata diserbu orang ramai cari ketulan emas

Utusan
15.11 2021_11

Oleh YATIMIN ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

RANTAU PANJANG: Kampung Bukit Lata di sini menjadi tumpuan orang ramai sejak dua hari lalu selepas penduduk digemparkan dengan penemuan ketulan batu yang didakwa mengandungi emas.

Difahamkan, ketulan batu mengandungi emas dijumpai penduduk di sekitar kawasan tapak pembinaan projek tebatan banjir di kampung itu yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan ketika ini.

Satu rakaman klip video turut tular dalam media sosial seperti Facebook sejak semalam, memaparkan orang ramai yang dilihat sedang sibuk melombong emas di kawasan itu pada waktu malam.

Sementara itu, seorang penduduk hanya dikenali sebagai Mat, 37, berkata, selepas penemuannya dihebohkan, dia turut bergegas ke lokasi untuk melihat sendiri ketulan batu tersebut.

"Memang betul ketulan batu yang ditemukan salah seorang jiran saya itu mempunyai warna kuning seakan-akan emas.

"Cuma kami tidak dapat pastikan sama ada ia emas betul atau sebaliknya. Namun gerak hati saya mengatakan ia adalah emas cuma bahan mineral itu masih lagi muda," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



GAMBAR tular menunjukkan penduduk sedang mencari batu-batuan yang dipercayai mengandungi emas di Bukit Lata, Rantau Panjang, Kelantan.

Mat yang merupakan anak jati Kampung Bukit Lata memberitahu, dakwaan tersebut ada asasnya kerana Bukit Lata selama ini memang kaya dengan sumber mineral semula jadi seperti bijih besi.

"Selepas video memaparkan penduduk cari ketulan batu mengandungi emas tular di Facebook semalam, pihak pengurusan tapak projek menutup kawasan itu dan hari ini orang ramai sudah tidak dibenarkan masuk," ujarnya.